

# UMS meterai Lol bersama tiga universiti Filipina

## Mahu institusi pengajian tinggi jadi pemangkin pertumbuhan sosioekonomi di rantau ini

UB 03.09.2023 P.02

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai Perjanjian Hasrat Kerjasama (Lol) bersama tiga universiti di Mindanao, Filipina bagi memperkuat jalinan kolaboratif pendidikan tinggi di rantau ini.

Kolaboratif bersama tiga universiti negara berkenaan iaitu Mindanao State University, University of Southern Mindanao dan Notre Dame University, Filipina.

Kerjasama itu melibatkan mobiliti pelajar, akademik dan penyelidikan dalam menghasilkan modal insan berkualiti sekali gus mampu memberi manfaat kepada Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Naib Canselor UMS, Datuk Prof Dr. Kasim Mansor berkata, peranan

institusi pengajian tinggi adalah antara nadi yang mampu memungkin pertumbuhan sosioekonomi di rantau ini.

"Justeru, UMS sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi di negeri ini bertekad untuk menerajui pendidikan tinggi di rantau BIMP-EAGA.

"Ini kerana melalui pendidikan dilihat dapat memahami sosiobudaya untuk kemapanan ekonomi serantau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memeterai hasrat kerjasama (Lol) berkenaan sempena lawatan kerja delegasi Perutusan Khas BIMP-EAGA Sabah yang diketuai oleh Tan Sri Pandikar Amin Mulia di Cotabato, Mindanao, Filipina, baru-baru ini.

Kasim berkata, kerjasama itu sangat penting dalam membantu meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap kepentingan pen-



PERJANJIAN: Kasim ketika meterai perjanjian hasrat kolaboratif dengan Notre Dame University, Filipina.

didikan tinggi.

"Pendidikan adalah senjata paling kuat yang boleh digunakan untuk mengu-

bah dunia dan kelestarian wilayah juga bergantung pada jenis pendidikan yang tepat," katanya.

Sementara itu, Pandikar Amin ketika ditemui berkata, pendidikan adalah kunci bagi membuka peluang serta

mengatasi halangan-halangan yang dihadapi di sekitar BIMP-EAGA.

"Saya difahamkan kolaboratif ini akan melibatkan mobiliti pelajar, pertukaran akademik, perkongsian bersama geran dan penyelidikan.

"Saya harap forum ini dapat menjadi platform terbaik untuk negara anggota BIMP-EAGA membincangkan kerjasama dalam usaha menghasilkan modal insan yang berkualiti di rantau ini," katanya.

Untuk rekorde, penubuhan BIMP-EAGA bertujuan mengukuhkan kerjasama dan pertumbuhan dalam bidang pelancongan, perniagaan, pertanian, perhubungan, persekitaran, sosiobudaya serta pendidikan.

Turut hadir Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS, Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah Saikim.